

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA: JPV/PKT/(S)/400-20/5 jld.3 (32)

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor yang berdaftar di **negeri Johor** dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, memiliki **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah tempohnya di bawah **Gred G2, Pengkhususan CE 21 Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam**, bagi Sebut Harga Kerja-Kerja Pembinaan pagar Cyclone panjang 3km dan tinggi 7 kaki Untuk Program Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) Di Plot 21 Dan 22 Projek Pertanian Moden Kluang, Johor Untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia.

a) Sebut Harga ini akan dibuka pada **26 September 2016 (Isnin) sehingga tarikh tutup pada 10 Oktober 2016 (Isnin) jam 12.00 tengahari.**

b) Cadangan Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Aras 1, Lot 4G1, Wisma Tani, Prtesint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya **sebelum jam 12.00 tengah hari pada 10 Oktober 2016 (Isnin).**

c) Tawaran Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat** dan ditandakan sebagai "Kerja-Kerja Pembinaan Pagar Cyclone panjang 3 km dan tinggi 7 kaki Untuk Program Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) Di Plot 21 Dan 22 Projek Pertanian Moden Kluang, Johor Untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia" pada penjuru atas kiri, dan juga ditandakan : "**No. SEBUT HARGA JPV/PKT/(S)/400-20/5 Jld.3 (32)**" dan dialamatkan dengan jelas kepada

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
Lot 4G1, Wisma Tani, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya